

Headline	Virus HIV makin lemah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	314,000
Page No	L-38	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	351 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,053
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,159



# Virus HIV makin lemah

» Kajian dapati virus mampu sesuaikan diri dengan sistem imun manusia

Saintis yang menjalankan kajian terbaru di Universiti Oxford mendapati virus HIV kini semakin kurang membawa maut dan kurang berjangkit kerana ia mula menyesuaikan diri dengan sistem imun manusia.

Kumpulan saintis berkenaan berkata virus HIV kini mengambil masa lebih lama untuk menyebabkan penyakit untuk menyebabkan Aids.

Perubahan pada virus itu dapat membantu usaha membendung penyakit berkenaan.

Beberapa ahli virologi berkata virus HIV mungkin menjadi

kurang berbahaya.

Lebih 35 juta penduduk di seluruh dunia dijangkiti virus HIV dan di dalam tubuh mereka berlaku 'pertarungan' antara sistem imunisasi dengan virus itu.

## Pakar penyamaran

HIV juga virus yang pakar dalam 'penyamaran' kerana ia cepat bermutasi untuk menyesuaikan diri dengan sistem imun.

Bagaimanapun HIV sering kali menjangkiti seseorang yang mempunyai sistem imun yang kuat.

"Apabila virus berkenaan terperangkap di dalam sistem imun manusia ia boleh musnah atau berubah untuk terus hidup.

"Jika ia berubah ia akan menyebabkan kesan lain berlaku, iaitu kurang upaya untuk membiak," kata Profesor Philip Goulder dari Universiti Oxford.

## Mengambil masa

Kesan daripada kurang kemampuan untuk membiak virus itu menjadi lemah, kurang berjangkit dan bermakna ia akan mengambil masa untuk menyebabkan Aids.

Pasukan itu juga menunjukkan proses ini berlaku di Afrika dengan membandingkan Botswana, yang mempunyai masalah HIV sejak sekian lama dan Afrika Selatan yang menghadapi masalah HIV tiba sedekad selepas itu.

Profesor Goulder memberitahu laman berita Perbadanan Penyiaran Britain (BBC), bahawa penemuan ini sesuatu yang menarik.

"Anda boleh melihat kemampuan ia membiak berkurangan sebanyak 10 peratus kurang di Botswana berbanding Afrika Selatan.

"Kami memantau evolusi yang berlaku dan memang memeranjatkan melihat bagaimana cepatnya proses ini ber-

laku.

## Keupayaan semakin perlahan

"Virus ini semakin perlahan dalam keupayaannya untuk menyebabkan penyakit dan ini akan membantu menyumbang kepada penyingkiran."


Penemuan yang didedahkan dalam *Jurnal Proceedings of the National Academy of Science* juga menunjukkan bahawa ubat anti-retroviral memaksa HIV untuk berubah kepada bentuk yang lebih sederhana.

Ia menunjukkan ubat itu menasarkannya versi HIV paling kuat dan menggalakkan virus yang lemah dikesan. **AGENSI**

## FAKTA NOMBOR

**35** juta

penduduk di seluruh dunia dijangkiti virus HIV



Kajian saintis di Universiti Oxford mendapati **Virus HIV** kini berevolusi menjadi semakin kurang membawa maut dan kurang berjangkit.

Headline	Virus HIV makin lemah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	314,000
Page No	L-38	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	351 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,053
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,159

